

Islam Itu Bersaudara, Berjemaah. Sudah Islamkah? Masih Islamkah kita?

Polis: Mayat anggota di Semporna diperlakukan kejam – Terbakar

March 8, 2013 By [Terbakor Admin Comments \(2\)](#)

Enam anggota polis yang terbunuh di Kampung Simunul di Semporna pada 2 Mac lalu, ditemui dalam keadaan diperlakukan dengan kejam, kata polis dalam Facebook lewat malam tadi.

p/s : MasyaAllah, teruk lebih pada binatang orang orang Sulu ni.



Menceritakan kronologi peristiwa krisis Sabah itu, polis juga mendedahkan mereka terpaksa menghantar pasukan penyelamat ke kampung tersebut sehari kemudian untuk menyelamatkan anggota yang cedera dan mengambil mayat rakan mereka yang maut dalam serangan hendap sekumpulan penceroboh dari selatan Filipina.

Menurut posting Facebook tersebut, polis menghantar satu pasukan ke Kampung Simunul dan Kampung Sri Jaya untuk menyiasat laporan mengenai kehadiran penceroboh Filipina.

“Apabila tiba di Kampung Simunul, pasukan polis itu telah diserang hendap oleh penceroboh. Enam anggota polis terkorban manakala dua yang lain cedera. Enam penceroboh bersenjata telah dibunuh oleh pihak polis.

“Pihak polis dihantar pasukan penyelamat untuk mengambil mayat wira-wira kita terkorban dan menyelamatkan anggota yang terperangkap di Kampung Simunul, Semporna. Pasukan itu berjaya melaksanakan misi tersebut.

“Mayat anggota polis yang terkorban itu ditemui dalam keadaan diperlakukan dengan kejam oleh penceroboh bersenjata tersebut,” tambahnya..

Polis menamakan enam anggota yang terkorban sebagai Supt Ibrahim Lebar, ASP Michael padel, Sarjan Baharin Hamit, Sarjan Abdul Aziz Sarikon, Koperal Salam Togiran dan Lans Korporal Mohd Azrul Tukiran.

Ketua Polis Negara , Tan Sri Ismail Omar sebelum ini enggan mengesahkan laporan bahawa ada mangsa dipenggal dan juga mata mereka dikorek keluar.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad merujuk kepada insiden tersebut dalam satu sidang akhbar pada hari Selasa dan menyifatkan tindakan penceroboh itu ‘sebagai tidak Islamik’.

Insiden mengerikan itu juga dibangkitkan pada mesyuarat tengah malam antara Setiausaha Luar, Albert del Rosario dan Menteri Luar, Datuk Anifah Aman pada hari Isnin di Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, Jabatan Hal Ehwal Luar Filipina mengeluarkan satu penjelasan semalam, bahawa del Rosario tidak melabelkan kumpulan Filipina itu sebagai “pengganas”, tetapi mengakui kekejaman tersebut, jika benar, dianggap sebagai perbuatan

“pengganas”.

“Di Semporna, terdapat dakwaan tindakan keganasan. Seperti yang dilaporkan oleh menteri luar Malaysia, selepas pasukan polis terjebak dalam satu serangan hendap dan dibunuh, mayat mereka dipelakukan dengan kejam.



“Jika benar kekejaman ini dilakukan seperti yang dilaporkan kepadanya, kedua-dua setiausaha luar dan menteri luar itu bersetuju bahawa ini adalah tindakan keganasan,” kata kenyataan itu.

Kronologi peristiwa yang dikeluarkan pihak polis

12 Februari 2013 – pencerobohan bersenjata berlaku di Lahad Datu di mana kira-kira 150 orang bersenjata berpakaian tentera menceroboh masuk ke Felda Sahabat, Lahad Datu.

Polis mengepung kawasan itu dan mengarahkan kumpulan itu meletakkan senjata mereka dan menyerah diri.

14 – 28 Februari – Rundingan dijalankan di mana yang penceroboh dikenal pasti dari selatan Filipina, mendakwa ada kaitan dengan ‘kesultanan Sulu’.

Terdapat beberapa pusingan rundingan antara penceroboh dan pihak polis untuk mengelak pertumpahan darah.

Tarikh akhir bagi penceroboh untuk pulang secara aman pada 24 Februari lulus tetapi rundingan diteruskan untuk membolehkan mereka untuk berundur.

1 Mac – Insiden tembakan di Kampung Tanduo, Lahad Datu yang mengakibatkan dua anggota polis Malaysia terkorban akibat serangan mortar. Dua belas penceroboh bersenjata ditembak mati polis.

Risalah digugurkan dari helikopter mengarahkan penceroboh bersenjata yang berkubu di Kampung Tanduo supaya menyerah

diri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memberi amaran kepada penceroboh supaya menyerahkan dan jika gagal berbuat demikian pihak berkuasa akan mengambil tindakan. Presiden Filipina Benigno Aquino III menggesa penceroboh menyerahkan diri tanpa syarat.

2 Mac – Insiden menembak di Kampung Simunul di Semporna di mana enam anggota polis terkorban dan enam lagi penceroboh (foto) terbunuh.

seorang lagi penceroboh bersenjata, yang dikenal pasti oleh penduduk kampung sebagai seorang imam, juga dibunuh di Kampung Sinalang Lama oleh penduduk kampung selepas dia cuba menjadikan mereka sebagai tebusan.

3 Mac – Polis menyelamatkan mereka yang terperangkap dan mengambil mayat.

4 Mac – Tujuh batalion tentera telah dikerahkan ke Sabah. Kampung Tanjung Batu dan Kampung Tanjung Labian diisytiharkan sebagai “zon merah” berikutan laporan pendaratan lelaki bersenjata di sana.

Penceroboh dilabelkan sebagai “pengganas” selepas mesyuarat antara menteri luar Malaysia yang asing dan setiausaha luar Filipina di Kuala Lumpur. [Ini telah dipertikaikan oleh Manila].

5 Mac – Tindakan bersama oleh pasukan keselamatan. Najib berkata, pasukan keselamatan telah melancarkan ‘Ops Daulat’ untuk menamatkan kebuntuan dengan pengganas di Kampung Tanduo untuk mempertahankan maruah dan kedaulatan negara. Ini diikuti dengan operasi memburu dan membersihkan kawasan itu.

6 Mac – Seorang pengganas bersenjata ditembak mati ketika cuba untuk menyerang hendap pasukan keselamatan negara Malaysia.

Kawasan operasi diperluaskan. Keadaan keselamatan di bawah kawalan.

Dirogol sebelum dibunuh

Kejam! Mayat Gadis Dirogol Selepas Dibunuh

August 15th, 2012 [Ali](#) 0 Comments [Dalam Negeri](#), [Jenayah](#)



Seorang gadis bukan saja dibunuh, malah mayatnya dipercayai turut dirogol penyerangnya dalam kejadian bermotifkan samun di rumah mangsa di Taman Taming Jaya Dua, di Kajang, malam kelmarin.

Mayat Sabtariah Faisal, 19, ditemui terbaring di dalam bilik tidur oleh kakaknya ketika mahu mengejutkan gadis berkenaan untuk berbuka puasa pada jam 7.30 malam.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Ab Rashid Ab

Wahab berkata, pihaknya menerima panggilan seorang lelaki pada jam 7.47 malam memaklumkan mengenai kejadian itu.

Katanya, siasatan mendapati mangsa dipercayai dibunuh menggunakan objek tumpul serta jerutan. Beberapa kesan lebam ditemui di tangan kanan dan perut serta kesan jerutan di leher.

“Siasatan awal juga mendapati mayat mangsa dipercayai dirogol penyerang yang dikenali mangsa berdasarkan tiada kesan pecah masuk ditemui di rumah flat berkenaan.

Mabuk, Rogol, Bunuh Satu Matarantai Jenayah Remaja...

Pelajar Tingkatan 4 Mati Dirogol & Dibunuh Kejam

February 26th, 2012 [Ali](#) 0 Comments [Dalam Negeri](#), [Jenayah](#)



Seorang pelajar perempuan berusia 16 tahun ditemui maut, dipercayai dirogol sebelum kepalanya dibenam di dalam kolah di bilik air rumahnya di Taiping, petang kelmarin.

Mayat pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Wan Ahmad Rasdi (SMKDWAR) itu ditemui adik lelakinya dalam keadaan kepala dan seluruh badan dalam kolah selain cedera parah di kepala akibat dipukul benda keras.

Difahamkan, ketika kejadian, mangsa seorang diri di rumah sebelum kediamannya dimasuki individu tidak dikenali yang

kemudian cuba merogol dan mencabul mangsa sebelum dia dibunuh.

Dalam kejadian jam 4.30 petang di Batu 9, Jalan Trong, Changkat Jering, mangsa dikenali sebagai Nurul Aien Mohd Saimon ditemui maut oleh adik lelakinya yang baru pulang dari rumah neneknya, 300 meter dari tempat kejadian

Ketua Polis Daerah Taiping, Asisten Komisioner Yusuf Mohd Diah berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan daripada penduduk kampung jam 4.30 petang.

Kes bunuh Nurul Aien selesai

March 3rd, 2012



Polis yakin kes pembunuhan kejam Nurul Aien Mohd Saimon, 16, yang ditemui mati dengan kepala dan separuh badan terendam dalam air kolah dipenuhi air di bilik mandi rumahnya, pada 24 Februari lalu, selesai susulan penahanan seorang remaja di Pulau Pinang, semalam.

Ketua Polis Daerah Taiping, Asisten Komisioner Yusuf Mohd Diah, berkata suspek berusia 17 tahun itu ditahan di Tasik Gelugor, Seberang Prai, kira-kira jam 4 pagi.

Katanya, suspek yang membantu perniagaan keluarganya tinggal berhampiran rumah mangsa dan mengenali remaja wanita terbabit.

“Polis menemui telefon bimbit mangsa pada suspek sebaik dia ditangkap. Suspek juga pernah terbabit dengan kes jenayah lampau mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan (KK) iaitu mendatangkan kecederaan kepada orang lain, kira-kira satu setengah tahun lalu.

“Berikutan tangkapan ini, kita percaya kes bunuh ini dapat diselesaikan walaupun kita masih menjalankan siasatan lanjut mengenai motif sebenar pembunuhan itu,” katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Suspek terbabit dipercayai lari dan menyembunyikan diri di Pulau Pinang selepas kejadian pembunuhan itu.

Yusuf berkata, polis mempunyai keterangan cukup bahawa suspek terbabit dalam kes bunuh berkenaan.

Katanya, suspek direman selama seminggu dan disiasat lanjut mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

“Dua lagi remaja yang ditahan sebelum ini tiada kaitan dengan kes berkenaan dan sudah dibebaskan,” katanya.

Akhbar sebelum ini melaporkan seorang ibu tunggal tidak menyangka anak perempuannya berusia 16 tahun yang ditinggalkan berseorangan dibunuh kejam, dipercayai cuba dirogol dan dicabul di rumah mereka di Kampung Batu 9, Jalan Trong, Changkat Jering.

Nonri Musa, 40, yang ketika kejadian menghadiri mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Wan Ahmad Rasdi, hampir pengsan melihat mayat Nurul Aien yang separuh badan termasuk kepala terendam dalam kolam dipenuhi air, manakala kakinya terjuntai keluar.

Jika Kita Rasa Allah Yang Ghaib Itu Tiada, Baca Kisah Benar ini...

Gadis Biadab Mati Sejurus Selepas berkata ... 'Jika Islam Itu Benar, Tempatkan Bilikku Di Neraka'

February 10th, 2013



Pada suatu hari, seorang gadis yang terpengaruh dengan cara hidup masyarakat Barat menaiki sebuah bas mini untuk menuju ke destinasi di wilayah Iskandariah. Malangnya walaupun tinggal di bumi yang terkenal dengan tradisi keislaman, pakaian gadis tersebut sangat menjolok mata. Bajunya agak nipis dan seksi hampir terlihat segala yang patut disembunyikan bagi seorang perempuan daripada pandangan lelaki ajnabi atau mahramnya..

Gadis itu dalam lingkungan 20 tahun. Di dalam bas itu, ada seorang tua yang dipenuhi uban menegurnya: "Wahai pemuda! Alangkah baiknya jika kamu berpakaian yang baik, yang sesuai

dengan ketimuran dan adat serta agama Islam kamu, itu lebih baik daripada kamu berpakaian begini yang pastinya menjadi mangsa pandangan liar kaum lelaki... ” nasihat orang tua itu.

Namun, nasihat yang sangat bertetapan dengan tuntutan agama itu dijawab oleh gadis itu dengan jawapan yang mengejek: “Siapalah kamu hai orang tua? Adakah kamu cuba nak ingatkan aku supaya menutup aurat sepenuhnya sedangkan bapa kandungku sendiri tidak pernah menasihati? Apakah kamu mahu aku berpakaian menutup aurat sedangkan aku masih mahu bebas menayangkan tubuh badan ku di khalayak ramai? Apakah di tangan kamu ada anak kunci syurga? Atau adakah kamu memiliki sejenis kuasa yang menentukan aku bakal berada di syurga atau neraka?”

Setelah menghamburkan kata-kata yang sangat menghiris perasaan orang tua itu, gadis itu tertawa mengejek panjang. Tidak cukup setakat itu, si gadis lantas cuba memberikan telefon bimbitnya kepada orang tua tadi sambil melafazkan kata-kata yang lebih dahsyat. “ Jika ISLAM itu BENAR, tempatkan bilikku di Neraka, Ambil handphone ku ini dan hubungilah Allah serta tolong tempahkan sebuah bilik di neraka jahanam untukku,” katanya lagi lantas ketawa berdekah-dekah tanpa mengetahui bahawa dia sedang mempertikaikan hukum Allah dengan begitu biadab.

Orang tua tersebut sangat terkejut mendengar jawapan daripada si gadis manis. Sayang sekali, wajahnya yang ayu tidak sama dengan perilakunya yang buruk. Penumpang-penumpang yang lain turut terdiam malah ada yang menggelengkan kepala kebingungan. Semua yang di dalam bas tidak menghiraukan gadis muda yang tidak menghormati hukum-hakam agama itu dan mereka tidak mahu menasihatnya kerana khuatir dia akan menghina agama dengan lebih teruk lagi.

Sepuluh minit kemudian bas pun tiba di perhentian. Gadis seksi bermulut celupar tersebut tertidur di muka pintu bas. Puas pemandu bas termasuk para penumpang yang lain mengejutkannya tapi gadis tersebut tidak sedarkan diri. Tiba tiba orang tua tadi memeriksa nadi si gadis. Sedetik kemudian dia menggeleng-

gelengkan kepalanya. Gadis itu telah kembali menemui Tuhannya dalam keadaan yang tidak disangka. Para penumpang menjadi cemas dengan berita yang menggemparkan itu. Dalam suasana kelam kabut itu, tiba tiba tubuh gadis itu terjatuh ke pinggir jalan.

Orang ramai segera berkejar untuk menyelamatkan jenazah tersebut. Tapi sekali lagi mereka terkejut. Sesuatu yang aneh menimpa jenazah yang terbujur kaku di jalan raya. Mayatnya menjadi hitam seolah-olah dibakar api. Dua tiga orang yang cuba mengangkat mayat tersebut juga kehairanan kerana tangan mereka terasa panas dan hampir melecur sebaik saja menyentuh tubuh si mayat. Akhirnya mereka memanggil pihak keselamatan menguruskan mayat itu.

Begitulah kisah ngeri lagi menyayat hati yang menimpa gadis malang tersebut. Apakah hasratnya menempah sebuah bilik di neraka dimakbulkan Allah? Na'uzubillah, sesungguhnya Allah itu Maha Berkuasa di atas segala sesuatu. Sangat baik kita jadikan iktibar dan pelajaran dengan kisah benar ini sebagai Muslim sejati. Jangan sesekali kita mempertikaikan hukum Allah mahupun sunnah Rasulullah s.a.w. dengan mempersendakan atau mengejek. Kata kata seperti ajaran Islam tidak sesuai lagi dengan arus kemodenan dunia hari ini atau sembahyang tidak akan buat kita jadi kaya dan seumpamanya adalah kata-kata yang sangat biadab dan menghina Allah, pencipta seluruh alam.

Ingatlah teman, kita boleh melupakan kematian, tetapi kematian tetap akan terjadi kepada kita. Hanya masanya saja yang akan menentukan bila kita akan kembali ke alam barzakh. Janganlah menjadi orang yang bodoh, siapakah orang yang bodoh itu? Mereka itulah orang yang ingin melawan Tuhan Rabbul 'alamin. Apabila anda enggan melaksanakan suruhan Tuhan bererti anda ingin melawan arahan Tuhan.

Sewaktu di sekolah anda tertakluk dengan undang-undang sekolah, dalam pekerjaan anda tertakluk dengan undang-undang yang dilakar oleh majikan anda, di dalam negeri anda tertakluk

di bawah undang-undang negara anda. Begitu taksub sekali anda terhadap undang-undang itu sehingga terlalu prihatin takut kalau melanggar undang-undang tersebut . Apabila anda berpijak di bumi ini, anda juga tertakluk dengan undang-undang yang telah di gubal oleh yang pemilik yang menjadikan bumi ini.

Setiap Sultan ada taman larangannya, begitu juga Allah s.w.t. taman laranganNya adalah perkara-perkara yang telah diharamkan bagi hamba-hambaNya di muka bumi ini. Sama samalah kita memohon agar Allah sentiasa memberi kita petunjuk di atas jalan yang benar dan agar Dia memberikan kekuatan agar kita sentiasa dapat menjaga lidah kita, amin.Kisah ini dikongsikan dan diceritakan bersama oleh sahabat saya sendiri yang berasal di Malaysia dan kini berada di perantauan sana.

Video Seks Dua Beradik Tersebar Melalui Telefon Bimbit!

August 16th, 2011 [Ali](#) 0 Comments [Dalam Negeri](#)

Gosh! umur macam ikan bilis dah tahu seks! Apa sudah jadi dengan budak zaman sekarang ni? tskk..tskk...tskkkk...



Hari ini myMetro mendedahkan penyebaran aksi panas 2 beradik iaitu pelajar lelaki yang dalam lingkungan umur 11 atau 12 tahun iaitu Darjah 5 atau darjah 6 manakala yang perempuan berumur 13 atau 14 tahun iaitu pelajar sekolah menengah tingkatan 1 atau 2.

BUTTERWORTH: Penyebaran rakaman aksi seks sepasang kanak-kanak yang didakwa adik-beradik melalui telefon bimbit menggemparkan penduduk sekitar bandar ini serta mencetuskan kebimbangan mengenai semakin parah keruntuhan moral masyarakat negara ini.

Ini kerana usia pasangan terbabit masih terlalu muda. Budak lelaki terbabit dipercayai berusia antara 11 dan 12 tahun manakala pasangan perempuan antara 13 dan 14 tahun.

Aksi berahi mereka dirakam dari pelbagai sudut dipercayai dalam bilik hotel atau motel oleh pihak ketiga berdasarkan katil dan keadaan sekitar.

Kakitangan swasta dikenali sebagai Azman, 25, yang memperoleh video itu melalui bluetooth daripada rakannya, berkata dia terkejut sebaik melihat aksi pasangan terbabit kerana mereka terlalu muda dan dipercayai masih bersekolah.

“Budak lelaki itu seperti murid tahun lima atau enam manakala remaja perempuan mungkin dalam tingkatan satu atau dua. Kemungkinan mereka adik-beradik kerana fizikal remaja lelaki lebih kecil berbanding pasangannya.

“Saya menggeleng kepala sebaik melihat aksi mereka yang tidak ubah seperti orang dewasa. Bayangkan apa akan jadi kepada mereka pada masa depan dan bagaimana penerimaan ibu bapa mereka jika mengetahui perkara ini,” katanya, semalam.

Menurutnya, tindakan pasangan kanak-kanak itu menggambarkan keadaan moral masyarakat yang semakin merosot dan keadaan ini yang menyumbang peningkatan kes pembuangan bayi hasil hubungan luar nikah.

“Jika murid sekolah rendah sudah pandai beraksi lucah dan dirakam pihak lain, bagaimana orang dewasa.

“Apa akan jadi kepada moral masyarakat beberapa tahun akan datang jika gejala penyebaran aksi seks melalui telefon bimbit semakin berleluasa,” katanya.

Justeru, dia berharap pihak berkuasa segera melakukan sesuatu sebelum gejala penyebaran aksi seks melalui telefon bimbit menjadi ‘wabak’ yang sukar dikawal.

Sumber: MyMetro

Wabak Seksual Yang Mengatasi Zaman Jahiliah Arab..

Budak Sekolah Melacur Kaut RM18,000 Sebulan

Posted by kraken san on Wednesday, February 20, 2013 at [12:30 AM](#)



Bermodalkan RM2 untuk melayari Internet yang sepatutnya digunakan untuk belanja harian persekolahan, remaja ini mampu meraih RM18,000 sebulan dengan hanya menggoda lelaki hidung belang yang dahagakan belaian mesra gadis bawah umur menerusi perkenalan di FB.

Itu yang dilakukan Tina, 17, untuk hidup selesa dan mampu memakai pakaian berjenama, memiliki peralatan komunikasi canggih seperti anak orang kaya walaupun usianya ketika itu baru 13 tahun.

Gadis berasal dari utara tanah air ini dapat hidup bebas selepas melarikan diri dari rumah kerana tidak tahan menerima teguran dan leteran keluarga berikutan sikap liarnya.

Peluang itu digunakan Tina untuk memanfaatkan persahabatan singkat dengan lelaki bekerja di tapak pembinaan dikenali secara on-line, Fendi, 20-an, dan sanggup mengambil risiko tinggal bersama lelaki itu selama lima bulan.

Sanggup membelakangkan keluarga dan ponteng sekolah, tindakan

Tina seolah-olah 'keluar kandang harimau, masuk mulut buaya' apabila rumah yang dihuninya turut menjadi 'port' lepak 10 lelaki setiap hari.

"Saya pasti keluarga melaporkan kehilangan saya kepada polis, justeru Fendi menasihatkan supaya saya tak keluar dari rumah dan segala makan pakai saya diuruskannya. Sebagai balasan, saya memberikan layanan seks kepada Fendi.

"Tiada paksaan ketika kali pertama melakukan hubungan luar nikah, malah kami sama-sama seronok. Tidak cukup dengan itu, saya memberi khidmat seks kepada rakan Fendi yang duduk serumah mahupun sekadar datang melepak di kediaman berkenaan.

"Namun saya tak bodoh, sebaliknya layanan seks hanya akan diberi jika mereka setuju membayar. Paling banyak RM60, paling sedikit RM30." Fendi yang kononnya kekasih saya ketika itu tak pernah melarang, bahkan lebih gembira kerana saya boleh memberinya wang untuk menampung makanannya," katanya kepada Metro Ahad. Menurut Tina, selama tempoh itu, dia tidak pernah keluar dari rumah berkenaan dan mampu melayan sekurang-kurangnya 10 lelaki setiap hari.

Secara purata, gadis hingusan ini mampu meraih RM18,000 sebulan jika dia mengenakan bayaran RM60 satu sesi dan melayan 10 lelaki dalam sehari. Jika 'bekerja' berterusan selama 30 hari, Tina tiada masalah meraih pendapatan sebanyak itu.

Selepas bosan selain memiliki sikap enggan dikongkong, Tina membuat keputusan keluar dari 'penjara ciptaan' itu dan menghubungi teman rapatnya bagi menemaninya membeli-belah menggunakan duit haram itu.

Namun, kegembiraan untuk membeli barangan, pakaian, telefon bimbit berjenama berakhir apabila Tina bertembung dengan polis sebelum dibawa ke balai berdekatan.

Pertemuan dengan keluarga yang menangihi kehilangannya di balai polis berkenaan gagal menimbulkan keinsafan di hati Tina, sebaliknya dia sibuk mencari jalan untuk lari semula selepas pergerakannya dikawal ketat.

“Saya dikurung keluarga, namun saya lebih licik melarikan diri untuk kali kedua. Berbekalkan wang tabungan sebanyak RM500, saya melompat dari tingkat dua rumah dan nasib baik tidak cedera.

“Kemudian, saya ke kafe siber membuka akaun FB dan berbual dengan mana-mana lelaki dengan berkesudahan mereka meminta saya menemani mereka.

“Bertemu di lokasi ditetapkan, dengan penampilan menarik meskipun berusia 13 tahun, ‘dating’ ekspres itu pasti diakhiri di bilik hotel.

“Sekali perkhidmatan, saya mengenakan bayaran maksimum RM60. Selalunya pelanggan tidak kira keturunan dan peringkat umur itu akan menempah bilik hotel sekurang-kurangnya tiga hari, jika perlu, mereka akan datang mendapatkan layanan saya.

“Selepas habis tempoh itu, saya kembali ke kafe siber untuk mendapatkan pelanggan seterusnya. Perkara ini berlangsung hampir setahun sepanjang tempoh saya melarikan diri dari rumah,” katanya yang ditemui di Baitul Islah, Bukit Beruntung, Selangor.

Enggan menyalahkan sesiapa, Tina mengakui kehidupan mewah dijalaninya pernah satu ketika memberi kepuasan tersendiri, apatah lagi dia mampu memiliki barangan berjenama tanpa perlu mengharapkan wang daripada keluarga, yang sememangnya mustahil kerana dia dibesarkan dalam kehidupan serba-serbi tidak mencukupi.

Malah, katanya, dia tidak memasuki pusat pemulihan itu dengan rela hati, sebaliknya dihantar keluarga selepas gagal mengawal tingkah laku liarnya.

“Saya berada di sini hampir tiga tahun dan banyak ilmu agama saya pelajari. Syukur, saya masih diberi peluang untuk membaiki diri biarpun pernah terjerumus di lembah maksiat.

“Namun, masih banyak perlu saya pelajari untuk mengenali Allah SWT. Saya juga belum kuat untuk keluar berdepan masyarakat, bimbang diri lemah ini kembali ke jalan salah,” katanya mengakhiri perbualan.